



PEKELILING KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN BILANGAN 5/1971

Pendaftaran Surat Hakmilik Dan Suratcara 'Instrument of Dealing'

Surat Pekeliling ini dikeluarkan untuk menarik perhatian pegawai yang dilantik di bawah seksyen 12(1) Kanun Tanah Negara mengenai tugas-tugas menggunakan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 88, 178, 297, dan 304 undang-undang yang sama.

2. Perkataan-perkataan 'Registrar' dan 'Collector' adalah diberi makna di dalam seksyen 5 Kanun Tanah Negara dan ini ada bermaksudkan perlantikan di bawah seksyen 12. Mengenai tujuan ini adalah terang bahawa seorang pegawai tidak boleh menggunakan kuasa-kuasa di bawah seksyen-seksyen yang tersebut di bawah ini melainkan ianya telah dilantik oleh pihak berkuasa Negeri:

- (a) Seksyen 88 untuk mendaftarkan surat hakmilik;
- (b) Seksyen 178 untuk mendaftarkan surat hakmilik sementara;
- (c) Seksyen 304 untuk mendaftarkan sesuatu suratcara (instrument of dealing).

3. Mengenai kuasa-kuasa di bawah Seksyen 304 Kanun Tanah Negara pendapat Peguam Negara ialah seperti berikut:

"Dalam soal itu sukacita saya menarik perhatian Dato' kepada peruntukan seksyen 304 Kanun Tanah Negara. Menurut peruntukan Seksyen 304 ini tarikh pendaftaran adalah akan berjalan kuatkuasa mulai dari tarikh penyampaian (presentation). Oleh itu nampaknya tarikh Pemungut itu menandatangani pendaftaran itu tidaklah begitu mustahak. Pada pendapat Jabatan ini seorang Pemungut itu bolehlah menandatangani pendaftaran pada atau selepas daripada kelantikannya walaupun pendaftaran itu bersabit dengan surat-suratan yang telah dipersampaikan (presented) sebelum daripada tarikh kelantikannya."

4. Adalah dinasihatkan sebelum seorang pegawai bertukar ke jabatan lain ianya mahulah menyiapkan pendaftaran surat-suratan hakmilik dan menurut tujuan ini ialah mahulah juga menyiapkan segala tugas-tugas bersabit dengan menyemak dan meminda daftar-daftar hakmilik tanah seperti tugas menandatangani kenaikan hasil-hasil tanah kerana tugas-tugas ini tidak dapat dijalankan oleh penggantinya.

DATO' ABDUL MANAF BIN MOHD. NOR
*Ketua Pengarah Tanah dan Galian
Persekutuan*

P.T.TM 95/70

Kuala Lumpur